



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
Aras 1, 6 dan 7, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : 03-88853000/88854000  
Faks : 03-88892205/2204/2202  
Web : <http://www.jpa.gov.my>



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008  
NO SJIL : MY-AR4697

Ruj. Kami : JPA(S)(K)134/8/56 Klt. 3 ( 4 )  
Tarikh : 16 Mei 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Tuan,

**URUSAN PEMANGKUAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N32 KE  
GRED N36 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

Dengan hormatnya saya diarah untuk memaklumkan bahawa Jabatan ini akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi jawatan di atas dan dengan ini sukacita mempelawa permohonan daripada pegawai-pegawai yang layak dipertimbangkan untuk pemangkuan bagi jawatan berkenaan iaitu:-

Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 layak dipertimbangkan bagi pemangkuan ke Gred N36 apabila telah:

- 1.1 Pegawai dinaikkan pangkat ke Gred N32 sebelum atau pada 31.12.2002;
- 1.2 Markah wajaran LNPT bagi 3 tahun terkini (2008, 2009 dan 2010) tidak kurang 80%;
- 1.3 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
- 1.4 Telah mengisyiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 1.5 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 1.6 Bebas daripada senarai Peminjam Pendidikan Tegar;
- 1.7 Menandatangani Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi / Tabung Pendidikan; dan
- 1.8 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

2/..

2. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang **Lampiran A** dan **Lampiran B** dan disertakan dokumen-dokumen yang telah disahkan di setiap helaian muka surat seperti di bawah:

- 2.1 satu (1) salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemas kini; dan
- 2.2 satu (1) salinan Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terkini (tahun 2008, 2009 dan 2010)

3. Sukacita diingatkan bahawa pemangkuan ini berkemungkinan melibatkan pertukaran ke tempat lain. Oleh hal yang demikian, pemohon dikehendaki menyatakan sama ada bersedia bertukar atau tidak sekiranya diluluskan pemangkuan di dalam borang permohonan pemangkuan yang dikembarkan bersama.

4. Semua dokumen tersebut hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 23 Jun 2011 ke alamat berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan  
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Aras 7, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Encik Abdul Rahim bin Ishak)

5. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini bolehlah diajukan kepada pegawai-pegawai berikut:


- i. Muhammad Amri bin Muhammad Sum - 03-8885 4143  
amri.sum@jpa.gov.my
- ii. Cik Nurdalila binti Ahamad - 03-8885 4292  
dalila.ahamad@jpa.gov.my
- iii. Cik Norhazliza binti Abdul Aziz - 03-8885 4939  
hazliza.aziz@jpa.gov.my

6. Kerjasama tuan dipohon untuk memastikan hanya permohonan daripada calon-calon yang memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan dalam surat edaran ini dikemukakan. Permohonan yang lewat diterima atau tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,



(ABDUL RAHIM BIN ISHAK)

Timbalan Pengarah

Bahagian Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

MALAYSIA

LAMPIRAN A

PERMOHONAN PEMANGKUAN

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan  
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Aras 7, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Encik Abdul Rahim bin Ishak)

Tuan,

**URUSAN PEMANGKUAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N32 KE GRED N36  
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

Saya dengan sukacita memohon untuk dipertimbangkan bagi pemangkuan jawatan seperti yang dinyatakan di atas. Butir-butir peribadi saya adalah seperti berikut:

Nama Penuh :	.....
No Kad Pengenalan : (Lama) .....	Baru) .....
Jawatan dan Gred semasa :	.....
Jawatan dan Gred dipohon :	.....
Tarikh lantikan perkhidmatan sekarang :	.....
Tarikh disahkan dalam jawatan :	.....
Dilanjutkan tempoh percubaan dengan denda mulai ..... (jika berkenaan)	..... hingga .....
Alamat Penuh Tempat Bertugas  ..... [ ] .....	..... poskad
No. telefon : [ Pejabat ] .....	samb : .....
No telefon bimbit [ ]-[ ]	.....
No. faksimili : .....	E-mel : .....
Penempatan Pilihan..... (Daerah / Negeri)	.....

Markah LNPT	: 2008 (      %)	2009 (      %)	2010 (      %)						
Siasatan & Tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia : Ada (      ) Tiada (      )									
Jenis Hukuman ( Jika Ada) :									
Tarikh Hukuman : _____									
Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) :									
TK1	<input type="checkbox"/>	Aras 1	<input type="checkbox"/>	Aras 2	<input type="checkbox"/>	Aras 3	<input type="checkbox"/>	Aras 4	<input type="checkbox"/>
TK2	<input type="checkbox"/>	Aras 1	<input type="checkbox"/>	Aras 2	<input type="checkbox"/>	Aras 3	<input type="checkbox"/>	Aras 4	<input type="checkbox"/>
Tarikh Lulus PTK (Keseluruhan)									

2. Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya:

- (a) **pernah / tidak pernah\*** dikenakan tindakan tatatertib dalam tahun ..... dan hukumannya ialah .....
- (b) telah mengisytiharkan harta mengikut peraturan yang ditetapkan pada tahun .....
- (c) **pernah / tidak pernah\*** mengambil cuti tanpa gaji selain daripada cuti belajar tanpa gaji dari ..... hingga .....

3. Saya sesungguhnya mengetahui bahawa urusan pemangkuhan ini berkemungkinan menyebabkan saya ditukarkan ke tempat lain. Oleh itu saya **bersedia / tidak bersedia\*** ditukarkan sekiranya saya Berjaya dalam urusan pemangkuhan ini.

4. Saya bersetuju bahawa keputusan penempatan adalah muktamad.

Yang benar,

.....  
(Tandatangan Pemohon)

Nama Pemohon:

Jawatan : \_\_\_\_\_

Alamat Pejabat :

Tarikh:

5. **UNTUK DIISI OLEH KETUA JABATAN**

Disahkan bahawa keterangan-keterangan di atas adalah betul dan calon ini telah memenuhi syarat-syarat untuk dipertimbangkan pemangkuan seperti yang dinyatakan dalam iklan dan melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya juga dengan ini mengaku akan dipertanggungjawabkan sekiranya terdapat apa-apa maklumat atau kenyataan yang tidak benar diberikan kepada Bahagian Perkhidmatan, JPA.

5.1 Permohonan pemangkuan pegawai ini **\*diperaku / tidak diperaku**.

Tandatangan : .....

Nama : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

*\*Potong mana yang tidak berkenaan*

SULIT

LAMPIRAN B

**SURAT AKUAN PINJAMAN PENDIDIKAN  
INSTITUSI/TABUNG PENDIDIKAN**

Rujukan:

Kepada:

Ketua Perkhidmatan / Ketua Jabatan

Tuan,

**SURAT AKUAN PINJAMAN PENDIDIKAN INSTITUSI/TABUNG PENDIDIKAN**

Saya ..... No. K.P: ..... mengesahkan  
bahawa:

- Saya tidak ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mana-mana institusi/tabung pendidikan;
- Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada ..... mulai tarikh..... hingga ..... sebanyak RM..... dan ..... mulai tarikh ..... hingga ..... sebanyak RM..... Saya mengesahkan **masih belum membuat bayaran**;
- Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada ..... mulai tarikh..... hingga ..... sebanyak RM..... dan pada masa ini **sedang membuat pembayaran secara bulanan** melalui pembayaran tunai/potongan gaji mulai .....
- Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada ..... mulai tarikh..... hingga ..... sebanyak RM..... dan saya telah pun **menyelesaikan sepenuhnya** pinjaman pada .....

**PERAKUAN**

Saya mengaku bahawa pengisytiharan yang dinyatakan di atas adalah benar. Sekiranya tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah peraturan 4 (f) dan Peraturan 4 (g), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

.....  
Tandatangan Pegawai

Nama : .....

Jawatan : .....

Alamat Pejabat : .....

Tarikh : .....